

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

SOALAN : 250

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **Perdana Menteri** menyatakan secara terperinci jumlah bilangan penjawat awam dari Sarawak mengikut pecahan kaum Melayu, Dayak dan Cina.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 15 Mac 2019, jumlah penjawat awam dari kalangan anak watan Sarawak adalah seramai 98,862 pegawai, jumlah ini **tidak termasuk skim perkhidmatan polis dan tentera**. Perincian mengikut pecahan etnik adalah seperti berikut:

Bil.	Etnik	Jumlah
1.	Dayak	36,489
2.	Melayu	43,494
3.	Cina	18,879
Jumlah Keseluruhan		98,862

Sekian, terima kasih.